



JABATAN MUFTI NEGERI PERAK

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

KENYATAAN RASMI BIL. 6/2019

ISU PENGLIBATAN WARGANEGARA BUKAN ISLAM DALAM CADANGAN PENAMBAHBAIKAN MATA PELAJARAN PENDIDIKAN ISLAM DI BAWAH MAJLIS PENASIHAT PENDIDIKAN KEBANGSAAN

1. Baru-baru ini Timbalan Menteri Pendidikan, YB Teo Nie Ching telah mengalu-alukan semua pihak tanpa mengira kaum dan agama untuk memberi pandangan serta idea kepada pasukan khas bagi meneliti isu-isu melibatkan Pendidikan Islam di Sekolah Kebangsaan.
2. Maka saya menyeru umat Islam yang mempunyai kepakaran agar memberikan cadangan dan pandangan penambahbaikan mata pelajaran Pendidikan Islam secara atas talian di pautan <https://forms.gle/SeVw82uoR2r8vnfp8> yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.
3. Saya ingin menegaskan bahawa adalah sangat tidak wajar membuka ruang kepada semua warganegara tanpa mengira agama untuk memberi pandangan berkaitan mata pelajaran Pendidikan Islam. Ini kerana orang bukan Islam tidak memiliki kefahaman mengenai hukum dan peraturan agama Islam. Mereka akan cenderung memberi pandangan berdasarkan akal dan kepentingan diri semata-mata. Sedangkan mengikut tradisi dan falsafah pendidikan Islam yang bersumberkan hukum daripada al-Quran dan as-Sunnah serta sumber-sumber yang disepakati oleh para ulama'. Jika penglibatan bukan Islam dalam cadangan penambahbaikan ini dibenarkan, dikhuatiri akan menimbulkan lebih banyak pertentangan pendapat berhubung ajaran Islam yang sebenar.
4. Malah, usaha penambahbaikan ini juga tidak hanya perlu fokus kepada mata pelajaran pendidikan Islam sahaja, malah mata pelajaran yang lain seperti Bahasa Melayu, Sejarah dan lain-lain juga perlu kepada penambahbaikan agar para pelajar berbilang kaum mendapat kefahaman yang maksimum sekaligus kualiti pendidikan negara dapat dipertingkatkan dan memupuk perpaduan nasional.
5. Secara dasarnya saya menyokong dan bersetuju dengan usaha penambahbaikan tersebut. Namun saya ingin menegaskan di sini bahawa usaha penambahbaikan tersebut mestilah dilakukan tanpa mengurangkan silibus mata pelajaran Pendidikan Islam yang sedia ada. Saya sangat menghargai usaha murni bagi menambahbaik bukan sahaja mata pelajaran Pendidikan Islam malah mata pelajaran yang lain juga, tetapi biarlah kajian dijalankan oleh ahli yang berkelayakan berdasarkan firman Allah di dalam surah An-Nahl ayat 43 : '*maka bertanyalah kepada orang yang mempunyai pengetahuan*'.

Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani Bin Haji Zakaria
Mufti Negeri Perak Darul Ridzuan

16 Syawal 1440 H (Khamis)
20 Jun 2019 M